

## *Penggunaan LABA dalam Pembinaan dan Peluasan Ayat*

**Aswati Mohd Shariff**

aswati\_mohd\_shariff@moe.edu.sg

**Muliana Mohammad**

muliana\_mohammad@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Jiemin

### *Abstrak*

Murid-murid sering membina ayat yang salah strukturnya, terlalu singkat dan kerap juga tidak berupaya untuk meluaskan ayat. Akibatnya, timbullah ayat-ayat yang terlalu pendek. Jika masalah ini tidak ditangani seawal di peringkat rendah, masalah pembinaan struktur ayat akan menjadi lebih rumit untuk diatasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis murid dengan memberikan tumpuan pada pembinaan dan peluasan ayat untuk peringkat rendah bawah. Aktiviti yang dirancang memberikan murid pengalaman dan peluang belajar secara aktif dengan menggunakan kaedah LABA (Lima Asas Binaan Ayat) dan portal 10'M. Kaedah LABA merupakan lima struktur asas binaan ayat yang dicipta khas untuk membantu murid berfikir secara kreatif sebelum aktiviti membina ayat dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan 78% daripada 19 orang murid yang berada pada praaras keupayaan dapat membina ayat berdasarkan gambar dan 86% bagi kumpulan murid di tahap pada aras keupayaan berjaya melakukannya. Penggunaan LABA telah dapat membantu murid untuk lebih fokus dan terarah dalam membina ayat. Melalui pelibatan aktif murid dalam pengajaran dan pembelajaran, pendekatan ini sekaligus dapat menyokong dan meningkatkan motivasi murid dan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran mereka.

Kata Kunci: ayat, struktur, menulis, aktif, meluaskan



## PENGENALAN

Murid sering menghadapi cabaran untuk memulakan dan meluaskan ayat. Ayat yang dibina agak pendek dan ringkas. Guru pula menghadapi cabaran untuk meneroka dan mengenal pasti pelbagai strategi bagi meningkatkan proses pengajaran kemahiran menulis supaya murid mempunyai keyakinan dan kecekapan yang diperlukan untuk menulis ayat yang lengkap dan baik.

Protokol Kajian Pengajaran telah digunakan dalam kajian ini untuk meningkatkan kemahiran menulis murid dengan memberikan tumpuan pada pembinaan dan peluasan ayat untuk peringkat rendah bawah dengan menggunakan kaedah LABA, iaitu lima asas binaan ayat. Ini dilakukan agar amalan pengajaran sentiasa diperbaiki seperti mana pembelajaran murid dan prestasi mereka.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran menulis murid melalui pembinaan dan peluasan ayat; dan
2. meneliti keberkesanan kajian pengajaran dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran.

Murid-murid dapat membina dan memperbaiki kemahiran menulis jika mereka dilengkapi dengan pengalaman yang autentik dan perancangan pembelajaran yang mencukupi. Melalui kajian ini, guru berharap untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menangani masalah murid lebih awal.

## PERNYATAAN MASALAH

Pembinaan ayat memerlukan idea dan struktur yang baik. Murid juga harus memahami bagaimana menulis sesuatu ayat yang gramatis. Walaupun guru berusaha mengajar murid membina ayat dengan memberikan contoh yang baik, namun mereka kurang menghasilkan ayat yang bermutu dan adakalanya



tidak gramatis. Ini juga disebabkan murid tidak tahu cara-cara membina ayat. Lebih buruk lagi, mereka kerap membina ayat mengikut laras pertuturan mereka sehari-hari.

Masalah ini perlu ditangani pada peringkat awal supaya guru dapat mempersiapkan murid untuk mengarang di peringkat seterusnya. Jika teknik pengajaran ini dapat diperhalus dan ditambah nilai, murid boleh dilatih membina ayat dengan lebih baik.

## KAJIAN LEPAS

Kajian pengajaran merupakan satu usaha yang berkesan dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Catherine Lewis et. al. (2006) berpendapat bahawa Kajian Pengajaran merupakan satu kaedah pengajaran yang dapat meningkatkan mutu pengajaran guru dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan murid dalam pembelajaran.

Davis dan Tearle (1999); Lemke dan Coughlin (1998) dipetik oleh Yusuf (2005) menyebut bahawa ICT mempunyai potensi untuk mempercepat, memperkasakan, mendalamkan kemahiran dan memberikan motivasi serta melibatkan pelajar untuk mengaitkan pengalaman sekolah dengan alam pekerjaan.

Dengan integrasi teknologi melalui portal 10'M dan amalan pengajaran, murid lebih terlibat dalam pembelajaran dan dapat membentuk pemikiran serta membangunkan minda yang inkuisitif. Ini bertepatan dengan prinsip psikologi berpusatkan pelajar iaitu 'Pembelajaran dipengaruhi oleh faktor persekitaran termasuk budaya, teknologi dan amalan pengajaran'

Kajian tentang pembinaan ayat secara berstruktur pernah dijalankan oleh Muliana Mohammad (2013). Kajiannya mengenai penggunaan 5W 1H secara berstruktur dalam pengajaran pembinaan ayat melalui lima struktur binaan ayat.

Robyn Jackson dan Allison Zmuda (2014) dalam artikelnya, '*Four (Secret) Keys to Student Engagement*' menjelaskan bahawa salah satu kunci



bagi pelibatan murid secara aktif dalam pembelajaran adalah menyediakan kejelasan kepada murid tentang tugas yang perlu mereka lakukan. Salah satu matlamat pembelajaran utama adalah untuk membantu murid melahirkan idea dan pemikiran mereka melalui penulisan mereka dengan cara yang betul. LABA (Lima Asas Binaan Ayat) membolehkan murid menggunakan maklumat yang dipelajari untuk pembinaan ayat dengan cara yang sistematik. LABA membolehkan pengajaran eksplisit dijalankan untuk murid meluaskan ayat dan akhirnya mereka boleh menggunakannya untuk membina ayat. Semakin banyak murid menunjukkan kemajuan dalam kemahiran menulis, murid dapat menggunakan LABA untuk mewujudkan dan menghubungkan idea dengan cara yang kongruen.

Kajian pengajaran ini secara tidak langsung mencabar keupayaan murid untuk memaksimumkan potensi mereka. Contohnya, murid-murid yang melebihi aras keupayaan ini dapat dikembangkan potensi mereka melalui penggunaan LABA struktur keempat dan kelima. Murid dapat memantau kemajuan pembelajaran mereka melalui pelbagai alat penilaian seperti penggunaan rubrik, kuiz dan maklum balas guru serta rakan sebaya. Ini berkait dengan prinsip psikologi berpusatkan murid yang ke-14, iaitu menetapkan pengukuran yang tinggi dan mencabar dan menilai pembelajaran serta kemajuan pembelajaran – termasuk proses diagnostik dan hasil penilaian adalah bahagian penting dalam proses pembelajaran.

## **KAEDAH KAJIAN**

Satu kajian pengajaran telah dijalankan untuk menangani masalah pembinaan ayat. Ujian diagnostik dilakukan sebelum kajian pengajaran ini dijalankan untuk mengetahui tahap kemampuan murid membina ayat.

Selepas ujian diagnostik dijalankan, satu perkongsian dijalankan oleh Guru Kanan mengenai lima struktur binaan ayat. Bahan pengajaran ditambah nilai oleh guru dan disesuaikan dengan tahap pembelajaran murid. Perbincangan yang mendalam mengenai teknik pengajaran dilakukan sebelum dan sesudah kedua-dua kitaran pelajaran dijalankan.



Metodologi kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu :

1. mempelajari mengenai kajian pengajaran melalui perkongsian yang dijalankan di sekolah;
2. merancang dan mencipta strategi-strategi yang sesuai untuk digunakan dalam kajian pengajaran;
3. mengumpul data dan maklumat secara kualitatif melalui pencerapan sebelum dan semasa kajian pengajaran pertama dijalankan;
4. menganalisis data melalui perbincangan mengenai kajian pengajaran pertama untuk ditambah nilai dan diperhalus; dan
5. menjalankan kajian pengajaran kedua berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini terdiri daripada seramai 46 orang murid Darjah 2. Kumpulan pertama terdiri daripada 19 orang murid pada aras keupayaan rendah dan sederhana. 27 orang murid dari Kumpulan 2 mempunyai keupayaan tahap tinggi dan sederhana.

### **Instrumen Kajian**

LABA digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengukur prestasi murid dalam membina ayat dan perluasan ayat. Pengumpulan data dijalankan secara kuantitatif. Berdasarkan ujian pradiagnostik, guru-guru mendapati 48% murid dari kumpulan 1 telah gagal dalam bahagian bina ayat berdasarkan gambar tunggal dan gambar bersiri. Bagi kumpulan 2 pula 30% murid gagal dalam komponen yang sama. Dapatan ini membantu guru menjalankan usaha intervensi.

### **Prosedur Kajian**

Aktiviti telah ditetapkan bagi kelima-lima instrumen kajian melibatkan semua responden. Masa yang diperuntukkan untuk kajian pengajaran pertama dan kedua ialah 60 minit.



Setiap Kajian Pengajaran itu terdiri daripada 7 langkah dan dipatuhi oleh para pengkaji dalam kajian pengajaran ini. Ketujuh-tujuh langkah tersebut ialah:

1. Menetapkan matlamat
2. Perancangan
3. Pemantauan
4. Ulasan dan penyemakan
5. Pengulangan langkah 3 dan 4
6. Pencerahan
7. Perkongsian

Kajian Pengajaran yang dijalankan telah melalui beberapa proses perbincangan yang mendalam. Proses ini memakan masa selama dua bulan setengah yang juga mengambil kira profil dan tahap keupayaan murid sebelum proses membina langkah-langkah pengajaran dilakukan. Berdasarkan data yang dikumpulkan dan pengamatan yang mendalam, matlamat Kajian Pengajaran ditetapkan.

Pelbagai strategi dan aktiviti telah dirancang untuk mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran murid. Semasa Kajian Pengajaran dijalankan, guru-guru yang terlibat memantau dan mengamati respons murid dari beberapa sudut. Contohnya, tahap pelibatan murid, respons murid mengikut kumpulan, dan tahap dinamik individu ketika mereka melakukan aktiviti yang ditugaskan. Sesi pascapencerapan diadakan untuk meneliti dan mengupas setiap respons yang diberikan, termasuk membincangkan keberkesanan kaedah LABA yang digunakan. Ini juga bertujuan untuk meneliti sebarang kekurangan yang harus diperbaiki dan diperhalus untuk menyokong dan memudahkan aktiviti dengan tahap dan kesediaan kebolehan murid.

Kajian pengajaran ini telah melalui dua kitaran dan dilakukan mengikut beberapa langkah:



## Langkah Pertama

Pengajaran dimulakan dengan menjalankan aktiviti main peran beberapa aksi pekerjaan. Murid meneka jawapan lalu menceritakan tentang pekerjaan tersebut.

## Langkah Kedua

Guru menunjukkan contoh ayat yang mengandungi SAM (Siapa-Apa-Mengapa) dan SAD (Siapa-Apa-Di mana). Guru kemudian menunjukkan ayat-ayat yang mengandungi struktur SAM dan SAD. Guru memandu murid membina ayat menggunakan SAM dan SAD secara beramai-ramai di dalam kelas.

## Langkah Ketiga

Murid-murid menggunakan portal 10'M secara berpasangan untuk membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan yang mengandungi struktur SAM atau SAD. Guru kemudian menilai jawapan murid secara beramai-ramai.

## Langkah Keempat

Guru memberikan murid tugas sambil menerangkan rubrik yang akan digunakan mereka dalam aktiviti membina ayat yang dijalankan. Murid harus membina ayat menggunakan SAM dan SAD. Guru menunjukkan contoh hasil kerja murid untuk dinilai bersama-sama menggunakan rubrik.

## Langkah Kelima

Murid melengkapkan borang refleksi di portal. Sebagai penutup pelajaran, guru akan mendapatkan respons murid mengenai apa yang telah mereka pelajari. Guru merumus semula objektif pembelajaran pada hari itu.

Kitaran kedua dijalankan dua minggu kemudian untuk murid tahap sederhana dan tinggi dengan menggunakan rancangan pengajaran yang telah



diperbaik dan diubahsuai. Untuk kumpulan ini, tiga struktur LABA, iaitu SAM, SAD dan SADIB (Siapa-Apa-Dimana-Bagaimana) telah diperkenalkan kepada murid. Aktiviti perancangan telah dijalankan di dalam bilik darjah sebelum mereka ke makmal komputer. Di peringkat ini, guru telah menerangkan senarai semak terlebih awal agar murid-murid tahu apa yang harus mereka lakukan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang progresif serta peratusan yang meningkat mengikut keputusan ujian peperiksaan yang dijalankan. Markah yang diperoleh kedua-dua kelas dipantau seawal ujian diagnostik dijalankan. Data ini digunakan untuk membandingkan prestasi murid sebelum dan sesudah kajian pengajaran dijalankan.

Kegiatan pascapencerapan dijalankan sejurus pelajaran dijalankan untuk kitaran pertama. Guru berkongsi pengamatan mereka terhadap pelajaran yang dijalankan. Guru memberi maklum balas bahawa murid tidak begitu aktif dan terlibat sewaktu pelajaran dijalankan. Antara saranan yang boleh ditambah nilai dengan menyediakan senarai semak tugas sewaktu aktiviti membina ayat yang dijalankan melalui portal 10'M. Dengan cara ini, murid boleh melakukan tugas dengan lebih terarah dan meningkatkan lagi tahap keyakinan mereka. Kaedah LABA diperkukuh lagi dengan melagukannya sewaktu bahagian induksi pelajaran dijalankan. Akhir sekali penggunaan jangka masa yang sesuai dapat memudahkan murid menyelesaikan tugas membina ayat yang diberikan dengan lebih tepat dan tuntas.

Tugas yang diberi juga harus mengikut keupayaan murid daripada tahap yang berbeza. Sebagai contoh, murid yang melebihi aras keupayaan diberikan 4 keping gambar tanpa kata bantuan sewaktu latihan membina ayat menggunakan portal 10'M. Murid pada aras keupayaan pula diberikan 4 keping gambar berserta beberapa kata bantuan untuk 2 keping gambar sahaja. Murid pada praaras keupayaan diberikan gambar berserta kata bantu untuk kesemua gambar. Sila rujuk Jadual 1 bagi kemajuan murid.





Jadual 1: Kemajuan Murid

LP	Pra-Diagnostik (19 Pelajar)	Pos-Diagnostik (19 Pelajar)	SAD & SAM	CT2 (21 Pelajar)	CT3 (21 Pelajar)	SA2 (21 pelajar)
% lulus	52%	78%		77%	85%	<b>85%</b>
	-	-	% pelajar yang menggunakan SAD/SAM /SADIB	85%	85%	<b>85%</b>
HP	Pra (27 Pelajar)	Pos (27 Pelajar)	SAD , SAM & SADIB	CT2 (27 Pelajar)	CT3 (27 Pelajar)	SA2 (27 pelajar)
%lulus	70%	86%		90%	100%	<b>100%</b>
	-	-	% pelajar yang menggunakan SAD/SAM /SADIB	90%	100%	<b>100%</b>

## KESIMPULAN

Kajian Pengajaran amat berkesan bagi meningkatkan mutu pengajaran guru. Apa yang penting dalam Kajian Pengajaran bukanlah menghasilkan rancangan pengajaran yang sempurna tetapi meneliti dan memperbaiki rancangan pengajaran secara berkolaborasi yang memaksimumkan pembelajaran murid. Dengan melakukan demikian, hasil pembelajaran yang diinginkan dapat dicapai. Selain itu, Kajian Pengajaran juga meningkatkan prestasi murid dan merangsang pembangunan profesional guru. Guru meraih banyak pengetahuan semasa membuat pemantauan di bilik darjah. Kajian yang dijalankan ini telah mengukuhkan keberkesanan strategi LABA dalam pembinaan dan peluasan ayat yang sebelum ini setiap guru mempunyai cara yang tersendiri apabila mengajar murid membina dan meluaskan ayat.

Melalui kajian pengajaran ini juga, murid telah menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi. Murid mampu memberikan komen dan maklum balas serta membetulkan kesilapan rakan sebaya dengan cara yang berhemah. Dengan tidak secara langsung penggunaan strategi LABA juga mempersiapkan murid untuk menulis karangan bila mereka melangkah ke Darjah 3 kelak. Akhir kata pendekatan ini juga berjaya membantu murid berfikir secara berstruktur, mengaktifkan minda agar lebih kritikal dan kreatif.



Nota:

Guru-guru tersebut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

1. Mas'linda Mas'od
2. Md Faizrin Hashim
3. Sharizah Kordi

## RUJUKAN

Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd, & Mary Pat O'Connell (2006). Lesson Study Comes of Age in North America, *Phil Delta Kappan*, Vol.88, No 04, pp273-281)

Jon Saphier, Mary Ann-Haley Speca, Robert Gower, 2008. *The Skillful Teacher Building Your Teaching Skills, Research for Better Teaching*; 6th edition.

Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to Promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

[http://www.ascd.org/publications/educational-leadership/sept14/vol72/num01/Four-\(Secret\)-Keys-to-Student-Engagement.aspx](http://www.ascd.org/publications/educational-leadership/sept14/vol72/num01/Four-(Secret)-Keys-to-Student-Engagement.aspx)

[https://www.uws.edu.au/qilt/qilt/teaching\\_practice/staff\\_feedback\\_toolkit/the\\_importance\\_of\\_effective\\_feedback](https://www.uws.edu.au/qilt/qilt/teaching_practice/staff_feedback_toolkit/the_importance_of_effective_feedback)

<http://www.nyu.edu/classes/keefe/waoe/amins.pdf>

<https://www.bera.ac.uk/wp-content/uploads/2014/01/ict-pur-mb-r-f-p-1aug03.pdf?noredirect=1>

[http://www.thinkingfoundation.org/david/books/habits\\_of\\_mind.pdf](http://www.thinkingfoundation.org/david/books/habits_of_mind.pdf)

